

## Menggalakkan Perbincangan tentang Kesihatan Penduduk yang Kian Menua.



Pada 5hb Mei, CREA telah menganjurkan perbincangan pertamanya mengenai Kesihatan. CREA telah berkembang ke satu peringkat di mana kami ingin meluaskan soalan kajian kami bagi menangani kerumitan penuaan cepat populasi Singapura.

Perhimpunan di SMU mempertemukan penyedia kesihatan, pertubuhan-pertubuhan bukan berasaskan keuntungan dan agensi-agensi pemerintah. Oleh kerana komitmen dan penyertaan bulanan anda di dalam SLP, para penyelidik kami berkongsi beberapa penemuan terbaru kami. Ini merangkumi kesan penuaan ke atas kesihatan dan bagaimana ia turut boleh menjejaskan kewangan, pekerjaan dan kesejahteraan subjektif seseorang.

Seramai 40 orang peserta turut serta dalam satu perbincangan yang informatif dan bertenaga berdasarkan analisis data. Turut menarik juga adalah pengumpulan pelbagai perspektif ahli panel kami yang mengkaji kesihatan dan penuaan.

Satu cadangan penting yang timbul dari perbincangan itu adalah bagi penyelidik-penyelidik CREA untuk menumpukan fokus kepada para responden yang menua dengan baik dan menentukan kemungkinan sebab-sebab di belakangnya. Daripada hanya memperkatakan tentang beban ekonomi, CREA merancang untuk mengkaji sebab-sebab untuk penuaan yang baik.

Tahun ini, CREA juga mengusahakan penglibatan aktif pertubuhan masyarakat. CREA telah menghabiskan sepetang di Majlis Pertubuhan Wanita Singapura (SCWO) - majlis pertubuhan negara yang melaraskan 56 buah pertubuhan wanita di Singapura. Kira-kira 30 orang daripada anggota mereka telah hadir dan sesetengahnya turut diiringi oleh pasangan mereka. Kami telah berkongsi beberapa analisis data kami dengan anggota mereka - dengan tumpuan ke atas wanita.

Satu kebimbangan utama SCWO adalah perlindungan sosial dan ekonomi bagi wanita-wanita yang meningkat tua di Singapura. Secara purata, seorang wanita yang menua mempunyai jangka hayat yang lebih tinggi berbanding lelaki. Kos perubatan lebih tinggi dan simpanan persaraan yang lebih rendah atau tiada sama sekali membuat mereka lebih terdedah kepada kemiskinan.

Semasa perbincangan, seorang peserta menekankan bahawa walaupun dia mempunyai adik-beradik di Singapura, apabila dia mengetahui bahawa ibunya yang sudah tua telah jatuh sakit, dia tidak boleh, tanpa rasa bersalah, kekal di luar negeri dan tidak memberi sokongan untuk menjaganya. Maka, peranan tradisional seorang wanita itu sebagai seorang penjaga perlu dikemukakan dalam kajian-kajian masa hadapan kami.

Seorang peserta lelaki dalam lingkungan usia 70-an, yang dahulunya merupakan seorang guru, menggalakkan para peserta untuk tidak terlalu risau mengenai kewangan. Dia telah bersara lebih daripada 15 tahun, berbelanja mengikut kemampuannya dan berdikari dari segi kewangan. Kata-kata nasihatnya: "Jangan bimbang, bergembiralah!"

Selepas perbincangan kesihatan itu, CREA telah ditemubual oleh banyak saluran-saluran media termasuk Lianhe Zaobao dan Channel NewsAsia untuk berkongsi analisis terbaru kami mengenai kesihatan.


Perbincangan berikutnya akan berkaitan dengan "Kecelikan Kewangan & Ketersediaan Persaraan". Ini akan berlangsung pada 14hb Julai. Kami akan memaklumkan anda mengenainya di dalam surat berita kami yang akan datang.

## Gambar Analisis Data:

Berikut adalah beberapa fakta dan perangkaan yang telah kami kongsi di dalam Perbincangan dan acara pendekatan.

### Carta – Penyakit Kronik:


Peratusan Responden yang pernah Mengalami Penyakit Kronik



- Separuh daripada responden tidak mempunyai penyakit kronik pada Julai 2015 (penyakit jantung, barah, angin ahmar, tekanan darah tinggi, penyakit sendi, kencing manis, penyakit jiwa).
- 1 dalam 4 responden telah mendapat penyakit kronik yang baru sejak Julai 2015

### Carta – Keyakinan dengan Borang Perubatan


Sejauh manakah anda berasa yakin untuk mengisi borang-borang perubatan sendiri?



- Para responden yang mendapatinya sukar untuk mengemudikan sistem kesihatan menderita dari kesihatan yang lebih rendah secara umumnya dan mengambil masa yang lebih lama untuk pulih daripada penyakit.
- Ini menyarankan bahawa meningkatkan keupayaan sesetengah warga Singapura dalam mengemudikan sistem kesihatan dapat meraih hasil yang lebih baik.

### Carta – Amalan Pemakanan

Berapa seringkah anda Makan di Pusat Penjaja?



- 9 dalam 10 responden makan di Pusat Penjaja sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu; 1 dalam 4 responden di restoran makanan segera Barat.
- Responden wanita yang sudah berkahwin dan bekerja berkemungkinan sebanyak 1.7 kali untuk makan di Pusat Penjaja berbanding mereka yang tidak bekerja.

## Kerahsiaan dan Privasi Anda

Kami mengendalikan maklumat yang anda berikan kepada kami dengan kerahsiaan paling ketat dan mengikut pematuan menyeluruh Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA), di bawah undang-undang Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi Singapura.



## Tarikh Tinjauan

- **Tinjauan Julai:** 1 - 23 Julai 2017
- **Tinjauan Ogos:** 1 - 20 Ogos 2017
- **Tinjauan September:** 1 - 24 September 2017

## Hubungi Kami

Jika anda telah menukar alamat atau nombor telefon anda, jika anda memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk melengkapkan tinjauan, atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi kami di Talian Penting Pusat kami di **6808 7910** (9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau melalui e-mel di [slp@smu.edu.sg](mailto:slp@smu.edu.sg). Kami sentiasa berbesar hati untuk mendengar sebarang maklum balas daripada anda.